

19/03/2001

Agenda pertemuan Umno, Pas dibincang Selasa

KUALA LUMPUR, Ahad - Jawatankuasa Teknikal Umno-Pas akan mengadakan mesyuarat ketiga Selasa depan bagi membincangkan agenda pertemuan pemimpin kedua-dua parti itu.

Pas yang bersetuju dengan tarikh yang dicadangkan Umno itu, bagaimanapun tetap mahu Jawatankuasa Teknikal Umno menerima tiga prasyarat sebelum pertemuan pemimpin itu diadakan.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, berkata Jawatankuasa Teknikal Umno perlu meyakinkan pemimpin mereka bahawa tiga syarat itu mudah dilaksanakan kerajaan.

"Mengapa susah sangat hendak terima. Kalau mereka tidak boleh terima tiga syarat ini, bagaimana hendak melaksanakan empat agenda yang membabitkan pelbagai pihak," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Jawatankuasa Pas Pusat di Taman Melewar dekat sini, hari ini.

Tiga syarat itu ialah pemberian balik royalti minyak (wang ihsan) kepada Terengganu, membenarkan penerbitan Harakah dua kali seminggu dan kerajaan menolak cadangan Umno supaya melarang penggunaan perkataan Islam pada parti politik.

Fadzil berkata, Pas sedia membincangkan semua perkara, termasuk hak dan keistimewaan orang Melayu seperti dinyatakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Khamis lalu, Perdana Menteri berkata, perbincangan mengenai kepentingan Melayu, kedudukan agama Islam, bahasa kebangsaan dan status raja-raja Melayu perlu kerana ada usaha kumpulan tertentu untuk mencabar dan mempersoalkan hak-hak berkenaan.

Fadzil berkata, Pas yakin Umno mempunyai kuasa untuk memenuhi tiga syarat itu kerana ia boleh diputuskan kerajaan tanpa perlu mengambil perintah mahkamah.

Sambil memberi contoh penerbitan Harakah hanya perlu kelulusan Menteri Dalam Negeri.

Mengulas keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan mengemukakan pandangan mengenai pengguguran nama Islam pada parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan kepada Majlis Raja-Raja, Fadzil berkata:

"Pas akan tentang sekiranya Islam hendak dipisahkan daripada perjuangan. IsyaAllah Pas tidak akan gugurkan perkataan Islam kerana itu sudah menjadi darah daging kita."

Ditanya maksud tentang, beliau berkata, apabila undang-undang itu dibawa ke Parlimen, Pas akan menentangnya dan begitu juga di luar Dewan Rakyat.

Beliau berkata, Jawatankuasa Fatwa seharusnya bebas dan tidak campur tangan dalam politik kecuali memberi nasihat kepada kerajaan mengenai pelaksanaan syariah.

Katanya, tindakan menyerahkan keputusan mengenai pengguguran perkataan Islam kepada Majlis Raja-Raja, menggambarkan seolah-olah majlis berkenaan cuba diperalatkan.

(END)